

# Maju Bersama demi Masa Hadapan yang Lebih Cerah



**BUDGET**  
2025

# KATA PENGANTAR

Saudara-saudari sekalian,

Tahun 2025 menandakan genap 60 tahun kemerdekaan kita. Banyak yang telah kita capai dalam tempoh ini berkat kecekalan dan daya tahan generasi rakyat Singapura yang terdahulu.

Kini tiba giliran kita pula untuk menggalas tanggungjawab ini dan membawa Singapura maju ke hadapan.

Dunia kini berada dalam keadaan yang tidak menentu, dan penuh dengan ketidakpastian. Bagi mengatasi cabaran-cabaran mendatang, kita harus kekal bersatu padu dan berganding bahu.

Usaha Melakar Hala Tuju Singapura menyediakan hala tuju untuk fasa kita yang seterusnya. Ia melibatkan penyelarasan semula secara menyeluruh pada dasar-dasar dan pemikiran kita bagi mengukuhkan kontrak sosial kita.

Belanjawan 2025 akan memajukan agenda ini. Belanjawan ini adalah untuk semua rakyat Singapura. Belanjawan ini dibentuk bersama dengan anda semua.

Kami akan menangani tekanan kos dan menyediakan lebih banyak sokongan untuk keluarga, warga emas dan kumpulan-kumpulan yang mudah terjejas.



Kami akan memajukan sempadan pertumbuhan kita dengan memupuk inovasi, memperluas akses kepada tenaga bersih, dan memastikan para pekerja kita mempunyai kemahiran yang diperlukan bagi merealisasikan potensi mereka sepenuhnya.

Kami akan membina sebuah bandar yang mampan, dan menjamin masa hadapan yang lebih baik dan lebih mesra alam untuk semua.

Kita akan memupuk sebuah masyarakat yang penyayang dan sebuah kediaman yang inklusif di mana setiap rakyat Singapura berasa dihargai dan disokong.

Marilah kita bersatu sebagai satu rakyat yang bersatu padu dan maju bersama-sama demi masa hadapan yang lebih cerah.

**Lawrence Wong**  
Perdana Menteri  
merangkap Menteri Kewangan



# KANDUNGAN

## Sokongan untuk Rakyat Singapura

*Kalendar Pengagihan* ..... muka surat 6

## Sokongan untuk Anda

*Ringkasan Faedah-faedah* ..... muka surat 8

## Menyokong Rakyat Singapura

demi Masa Hadapan yang Lebih Cerah ..... muka surat 9



**Menyambut SG60  
sebagai Satu Rakyat Bersatu Padu ..... muka surat 12**

**Mempersiapkan Para Pekerja  
Sepanjang Hayat ..... muka surat 14**

**Memperkasakan Perniagaan  
untuk Pertumbuhan dan Kejayaan ..... muka surat 16**

**Membina sebuah Bandar  
yang Mampan ..... muka surat 18**





# Sokongan untuk Rakyat Singapura

Apr 2025 – Mac 2026



## 2025

### Apr

U-Save [Dipertingkatkan] — \$110 hingga \$190

Rebat S&CC — 0.5 atau 1 bulan

Baucar Iklim [Dipertingkatkan] — Hingga \$400

### Mei

Baucar CDC [Baharu] — \$500

### Jun

Tokogan Kredit ActiveSG SG60 [Baharu] — \$100

### Jul

Baucar SG60 [Baharu] — \$600 atau \$800

MediSave — \$500

Kredit LifeSG Anak atau Tokogan Akaun Edusave / Akaun Pendidikan Posmenengah [Baharu] — \$500

U-Save — \$110 hingga \$190

Rebat S&CC — 0.5 atau 1 bulan

### Ogos

Wang Tunai [GSTV] — \$450 atau \$850

MediSave [GSTV] — \$150 hingga \$450



Nota: Faedah-faedah tertakluk kepada kelayakan individu atau keluarga.

**Sep**

**Kredit LifeSG Keluarga Besar**

[Baharu] (untuk setiap anak ketiga dan seterusnya)

\$1,000

**Pas Budaya SG**

[Baharu]

\$100

**Okt**

**U-Save**

[Dipertingkatkan]

\$110 hingga \$190

**Rebat S&CC**

0.5 atau 1 bulan

**Dis**

**Wang Tunai**

[AP]

\$100 hingga \$600

**Tahun Taksiran 2025**

**Rebat Cukai Pendapatan**

**Peribadi untuk Tahun**

**Taksiran 2025**

[Baharu]

Hingga \$200

**2026**

**Jan**

**Baucar CDC**

[Baharu]

\$300

**U-Save**

\$110 hingga \$190

**Rebat S&CC**

0.5 bulan



# Sokongan untuk Anda

Apr 2025 – Mac 2026



## Faedah-faedah untuk Anda

- **Baucar SG60**
  - untuk semua rakyat Singapura berusia 21 hingga 59 tahun ..... \$600
  - untuk semua rakyat Singapura berusia 60 tahun dan ke atas ..... \$800
- **Wang Tunai** untuk semua rakyat Singapura berusia 21 tahun dan ke atas
  - Pakej Jaminan ..... \$100 hingga \$600
  - Skim Baucar GST untuk rakyat Singapura berpendapatan rendah dan pertengahan .. \$450 atau \$850
- **MediSave**
  - untuk rakyat Singapura berusia 65 tahun dan ke atas ..... \$150 hingga \$450
  - Bonus MediSave tambahan untuk rakyat Singapura yang lahir pada tahun 1950 hingga 1973 yang mempunyai simpanan MediSave lebih rendah ..... \$500
- **Kredit LifeSG Keluarga Besar**
  - untuk setiap anak ketiga dan seterusnya, pada tahun-tahun anak berkenaan berusia 1 hingga 6 tahun ..... \$1,000
- **Kredit LifeSG Anak atau Tokokan Akaun Edusave / Akaun Pendidikan Posmenengah (PSEA)**
  - Kredit LifeSG Anak untuk semua kanak-kanak rakyat Singapura berusia 12 tahun dan ke bawah ..... \$500
  - Tokokan Akaun Edusave / PSEA untuk semua rakyat Singapura berusia 13 hingga 20 tahun ..... \$500
- **Tokokan Kredit ActiveSG SG60** untuk semua anggota ActiveSG ..... \$100
- **Pas Budaya SG** untuk semua rakyat Singapura berusia 18 tahun dan ke atas ..... \$100
- **Rebat Cukai Pendapatan Peribadi**
  - untuk semua pemastautin cukai, 60% daripada cukai yang perlu dibayar
  - untuk Tahun Taksiran 2025 ..... Hingga \$200


## Faedah-faedah untuk Keluarga

- **Baucar CDC** untuk semua keluarga rakyat Singapura ..... \$800
- **U-Save** untuk keluarga yang tinggal di flat HDB ..... \$440 hingga \$760
- **Rebat S&CC** untuk keluarga yang tinggal di flat HDB ..... imbalan 1.5 hingga 3.5 bulan
- **Baucar Iklim**
  - untuk semua keluarga yang tinggal di flat HDB ..... \$400  
*(termasuk tokokan \$100)*
  - untuk semua keluarga rakyat Singapura yang tinggal di hartanah privet ..... \$400

*Nota: Faedah-faedah tertakluk kepada kelayakan individu atau keluarga*




# Menyokong Rakyat Singapura



**demi Masa  
Hadapan yang  
Lebih Cerah**

# Membina Singapura yang Mesra Keluarga

- **Kredit LifeSG Anak bernilai \$500** untuk semua kanak-kanak rakyat Singapura berusia 12 tahun dan ke bawah
- **Tokokan \$500 ke dalam Akaun Edusave atau Akaun Pendidikan Posmenengah** untuk semua rakyat Singapura berusia 13 hingga 20 tahun
- **Had yuran bulanan penjagaan kanak-kanak sepenuh hari** yang lebih rendah di prasekolah yang disokong Pemerintah bagi mengurangkan perbelanjaan penjagaan kanak-kanak
- **Skim Keluarga Besar** baharu
  - **Tambahan \$5,000 ke dalam Geran Langkah Pertama Akaun Pembangunan Anak** untuk setiap anak ketiga dan seterusnya yang dilahirkan dari 18 Feb 2025
  - **Geran MediSave Keluarga Besar sebanyak \$5,000 ke dalam Akaun MediSave ibu-ibu** untuk setiap anak ketiga dan seterusnya yang dilahirkan dari 18 Feb 2025
  - **Kredit LifeSG Keluarga Besar bernilai \$1,000** setiap tahun kepada keluarga untuk setiap anak ketiga dan seterusnya, pada tahun-tahun anak berkenaan berusia 1 hingga 6 tahun



## Meningkatkan Daya Tahan Keluarga yang Mudah Terjejas



- Mempertingkatkan **Skim Perumahan Permulaan Baru** untuk membantu lebih banyak keluarga yang mempunyai anak yang tinggal di flat sewa awam memiliki rumah sendiri
- Kadar yang lebih tinggi untuk **Bantuan Jangka Pendek hingga Sederhana** dan **Bantuan Jangka Panjang ComCare**

## Membolehkan Warga Emas untuk Menua dengan Baik

- **Skim MediSave yang Dipadankan** baharu selama 5 tahun
- **Subsidi bagi penjagaan jangka panjang dan geran** lebih tinggi, merangkumi lebih banyak keluarga
- **Geran Penjagaan di Rumah** lebih tinggi, hingga \$600 sebulan
- Memperluas **program Penambahbaikan Kediaman bagi Warga Emas Aktif (EASE)** selama tiga tahun untuk keluarga rakyat Singapura yang tinggal di hartanah privet




## Memperkasa Orang-orang Kurang Upaya




- Melanjutkan **Kredit Menyokong Pengambilan Pekerja Kurang Upaya** ke 2028 bagi mengimbangi gaji untuk menggajikan orang-orang kurang upaya
- Kadar subsidi lebih tinggi untuk **perkhidmatan orang dewasa kurang upaya** merangkumi lebih banyak keluarga
- **Skim Simpanan Persaraan yang Dipadankan** untuk rakyat Singapura kurang upaya pada semua peringkat usia
- **Geran pepadanan untuk tokokan yang dibuat para penjaga** ke dalam akaun amanah Syarikat Amanah Keperluan Khas

# Menyambut SG60




sebagai  
**Satu Rakyat  
Bersatu Padu**

## Pakej SG60



- **Baucar SG60 bernilai \$600** pada Jul 2025 untuk semua rakyat Singapura berusia 21 hingga 59 tahun
- **Baucar SG60 bernilai \$800** pada Jul 2025 untuk semua rakyat Singapura berusia 60 tahun dan ke atas
- **Rebat Cukai Pendapatan Peribadi sebanyak 60%** untuk Tahun Taksiran 2025 untuk semua pemastautin cukai, dihadkan kepada **\$200**
- **Hadiah Bayi SG60** untuk semua bayi rakyat Singapura dilahirkan pada 2025

## Menguukuhkan Identiti Nasional dan Ikatan Kemasyarakatan Kita



- **Tokokan \$100 Kredit ActiveSG SG60** pada Jun 2025 untuk semua anggota ActiveSG
- **Kredit Pas Budaya SG bernilai \$100** pada Sep 2025 untuk semua rakyat Singapura berusia 18 tahun dan ke atas
- **Tokokan \$100 juta dan lanjutan selama lima tahun** bagi **Dana Pemandaran Kebudayaan**
- **Geran pemandaran SG Gives sebanyak \$250 juta**
- **Tokokan \$270 juta dan lanjutan selama tiga tahun** bagi **Program Mengumpul Dana yang Dipertingkat Lembaga Tote**
- **\$60 juta** selama lima tahun untuk Badan-badan Bantu Diri
- **Bantuan sewa sebanyak \$600** untuk setiap gerai di pusat penjaja dan pasar yang diuruskan Pemerintah dan pengendali yang dilantik Pemerintah
- **Hingga \$1 bilion** sepanjang 20 hingga 30 tahun akan datang bagi **menaik taraf dan membina pusat-pusat penjaja**

# Mempersiapkan Para Pekerja



# Sepanjang Hayat

# Menggalakkan Pembelajaran Sepanjang Hayat

- **Program Peningkatan SkillsFuture** untuk rakyat Singapura berusia 40 tahun dan ke atas
  - **Elaun latihan bulanan** baharu **sebanyak \$300** mulai awal 2026 untuk kursus-kursus separuh masa tertentu
- Mempertingkatkan **Bantuan Kemahiran Daya Kerja** mulai awal 2026 untuk para pekerja bergaji rendah berusia 30 tahun dan ke atas
  - **Elaun latihan bulanan** untuk kursus-kursus separuh masa dan sepenuh masa tertentu




## Menyokong Transformasi Tenaga Kerja


- **Geran Pembangunan Tenaga Kerja** baharu dengan pembiayaan **hingga 70%** untuk mereka semula pekerjaan
- **Kredit Perusahaan SkillsFuture** yang direka semula dengan **\$10,000** untuk syarikat-syarikat yang layak mulai separuh kedua 2026 bagi mengimbangi kos yang perlu dibayar untuk inisiatif-inisiatif transformasi tenaga kerja yang layak
- **Tambahan \$200 juta** untuk **Geran Jawatankuasa Latihan Syarikat** NTUC bagi membantu lebih banyak syarikat menjalani transformasi dan meningkatkan kemahiran para pekerja mereka

## Memperkukuh Sokongan Pekerjaan

- **Imbangan Peralihan CPF** bagi menampung separuh daripada kenaikan sumbangan CPF majikan untuk pekerja lanjut usia yang berusia lebih 55 tahun hingga 65 tahun
- Melanjutkan **Kredit Pekerjaan Warga Emas** hingga 2026 bagi mengimbangi gaji pekerja lanjut usia yang diambil bekerja
- Melanjutkan **Kredit Peningkatan Pekerjaan** hingga 2028 bagi mengimbangi gaji bekas pesalah yang diambil bekerja



# Memperkasakan Perniagaan




untuk  
Pertumbuhan  
dan Kejayaan



## Menangani Kos Perniagaan

- Faedah-faedah bagi syarikat-syarikat dihadkan kepada \$40,000
  - **Rebat Cukai Pendapatan Korporat sebanyak 50%** untuk Tahun Taksiran 2025
  - Faedah minimum sebanyak **\$2,000** untuk syarikat-syarikat aktif yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja tempatan pada tahun 2024
- Menaikkan kadar pembiayaan bersama untuk **Skim Kredit Gaji Progresif** pada 2025 dan 2026



## Mempertingkatkan Pemacu Teknologi dan Inovasi


- Tokokan sebanyak **\$3 bilion** ke dalam **Dana Produktiviti Nasional**
- Pelaburan sebanyak **\$1 bilion** dalam **prasarana R&D**

## Mengukuhkan Ekosistem Perusahaan

- Melanjutkan **skim-skim bantuan** bagi **penyejagatan**, serta **penggabungan dan pemerolehan**
- **Hingga \$150 juta** untuk **Inisiatif Pengkomputeran Perusahaan** baharu
- **Dana Pertumbuhan Kredit Swasta** sebanyak **\$1 bilion**
- **Insentif-insentif cukai** bagi menyokong pembangunan pasaran ekuiti Singapura
- Pelancaran **Program Pengasas Global**

## Melabur dalam Prasarana

- Tokokan sebanyak **\$5 bilion** ke dalam **Dana Pembangunan Lapangan Terbang Changi**
- Tokokan sebanyak **\$5 bilion** ke dalam **Dana Tenaga Masa Hadapan**




# Membina sebuah Bandar yang Mampan



## Menyesuaikan diri dengan Perubahan Iklim

- Tokoran sebanyak **\$5 bilion** ke dalam Dana Perlindungan Kawasan Pantai dan Banjir



## Menjadikan Sektor Pengangkutan kita Mesra Alam



- **Skim Pelepasan Sifar Kenderaan Berat dan Geran Pengecas Kenderaan Berat Elektrik** baharu untuk mempercepat penggunaan kenderaan berat yang menggunakan tenaga bersih
- **Komponen Tetap Tambahan** baharu bagi cukai jalan akan diperkenalkan secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun mulai 2026 untuk kenderaan barang berat dan bas elektrik

## Mengamalkan Kemampanan untuk Semua

- **Baucar Iklim bernilai \$400** (termasuk tokoran \$100) untuk semua keluarga yang tinggal di flat HDB
- **Baucar Iklim bernilai \$400** untuk semua keluarga rakyat Singapura yang tinggal di hartanah privet





Baca dengan lebih lanjut di  
[www.singaporebudget.gov.sg](http://www.singaporebudget.gov.sg)



[go.gov.sg/2025budgetbooklet](http://go.gov.sg/2025budgetbooklet)

Berdasarkan maklumat setakat 18 Februari 2025